

6 FEB 1996

YANG di-PERTUAN AGONG BERBUKA PUASA DI BANGUNAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah malam ini menghadiri majlis berbuka puasa di Bangunan Parlimen di sini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yang turut hadir ialah, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Menteri-menteri Kabinet dan diplomat-diplomat daripada negara-negara Islam. -- Bernama